



Faculty of Applied and Creative Arts

PEMULIHARAAN ARTIFAK DI MUZIUM NEGERI TERENGGANU

**Noor Sulaini Binti Hussin
37568**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

2016

PEMULIHARAAN ARTIFAK DI MUZIUM NEGERI TERENGGANU

NOOR SULAINI BINTI HUSSIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I..... **NOOR SULAINI BINTI HUSSIN, 37568, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** hereby

declare that the work

entitled..... **PEMULIHARAAN ARTIFAK DI MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NOOR SULAINI BINTI HUSSIN (37568)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I..... **PUAN RAHAH BINTI HAJI HASAN** hereby certifies that the work entitle..... **PEMULIHARAAN ARTIFAK DI MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

..... was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/ fulfillment for the conferment of... **BACHELOR OF APPLIED & CREATIVE ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)** and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **PUAN RAHAH BINTI HAJI HASAN** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

2421, Kampung Gong Bayur,
22200 Kampung Raja,
Terengganu.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Pemuliharaan Artifak Di Muzium Negeri Terengganu**” telah disediakan oleh **Noor Sulaini Binti Hussin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah Binti Haji Hasan)

Tarikh: _____

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pameran dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(Noor Sulaini Binti Hussin)

37568

Program Pengurusan Seni

Tarikh: _____

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur kehadiran ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapatlah saya melakukan kajian penyelidikan Projek Tahun Akhir saya “Pemuliharaan Artifak di Muzium Negeri Terengganu. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia saya iaitu Puan Rahah Bt Haji Hasan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam melakukan kajian ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada kedua ibu bapa saya kerana banyak menyokong saya dan memberi kata-kata semangat dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada kakak serta adik-adik yang banyak membantu dan yang turut menyokong dari segi kewangan. Selain itu saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Program Pengurusan Seni dan semua rakan-rakan seperjuangan di atas nasihat dan juga pertolongan yang diberikan untuk saya menjalankan kajian saya ini. Segala jasa baik dan juga kerjasama daripada kalian akan dikenang selamanya. Saya juga ingin memohon maaf jika sepanjang menjalankan kajian ini terdapat sebarang kesilapan yang telah saya lakukan. Sesungguhnya, yang baik itu datang dari Allah S.W.T dan yang buruk itu datangnya daripada diri saya sendiri.

Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kaedah pemuliharaan artifak di Muzium Negeri Terengganu, mendokumentasi jenis artifak dan kaedah yang digunakan untuk pemuliharaan, seterusnya menganalisis keberkesanan pemuliharaan artifak. Kaedah kualitatif akan membantu untuk mengenalpasti pelaksanaan kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan yang berasaskan teori dan pendekatan bersistem untuk memaksimumkan keberkesanan fungsi unit konservasi Muzium ini.

ABSTRACTS

This study aims to determine the methods of conservation of artefacts in Terengganu State Museum, documenting the types of artifacts and methods used for conservation, thus analyzing the effectiveness of the conservation of artifacts. Qualitative Methods will help to identify the implementation of conservation and preservation of the theoretical and systematic approach to maximize the effectiveness of conservation units function museum.

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Judul

Borang Pengesahan Status Tesis/Laporan

Pengakuan

Penghargaan

i

Abstrak

ii

Abstracts

iii

Isi Kandungan

iv

Senarai Jadual

x

Senarai Gambar Rajah

xi

Senarai Singkatan

xiii

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan Kajian	1
1.1	Pengenalan Sejarah Muzium di Malaysiaa	2-3
1.1.1	Sejarah Muzium	4
1.1.2	Latar Belakang Muzium Negeri Terengganu	5-6
1.2	Definisi	7
1.2.1	Artifak	7
1.2.2	Pemuliharaan	8-9
1.3	Permasalahan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	14-15
1.7	Skop Kajian	16
1.8	Lokasi Kajian	17
1.9	Limitasi Kajian	18
1.10	Kesimpulan	19

BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	Pengenalan	20
2.1	Pemuliharaan	21-30
2.2	Panduan Pemuliharaan	31-32
2.3	Pelan Pengurusan Pemuliharaan	33-36
2.3.1	Prinsip Pemuliharaan	37
2.3.2	Garis Panduan Pemuliharaan	38-39
2.3.3	Proses Pemuliharaan	40-41
2.3.4	Aliran Proses Pemuliharaan Artifak	42-43
2.3.5	Teknik Pembersihan Artifak	44-45
2.4	Pengurusan Muzium	46-48
2.5	Kesimpulan	49

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	50-51
3.1	Lokasi Kajian	52
3.2	Sumber Data	53
3.2.1	Data Primer	53-55
3.2.2	Data Sekunder/Keperpustakaan	55
3.3	Instrumen Kajian	56
3.4	Kesimpulan	57

BAB EMPAT: ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	58-59
4.1:	Senarai Nama Informan	60
4.2	Jenis Artifak dan Kaedah Pemuliharaan	61
4.3	Analisa Teori Pemuliharaan Koleksi	
	oleh Gary Edson dan David Dean dan	
	Proses Pemuliharaan di Muzium Negeri Terengganu	62-67

4.3.1 Aliran Proses Pemuliharaan Artifak di Muzium Negeri Terengganu	68-69
4.4 Jenis Pemuliharaan	70
4.4.1 Seramik	70-81
4.4.2 Manuskrip	82-92
4.4.3 Logam	93-96
4.4.4 Tekstil	97-100
4.5 Analisa Dan Dapatan Kajian Bersama Informan	101-106
4.6 Kesimpulan	107

BAB LIMA: CADANGAN DAN RUMUSAN

5.0 Rumusan	108-111
5.1 Cadangan	112
5.1.1 Cadangan Kepada Pihak Muzium	113-114
5.1.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	115
5.2 Kesimpulan	116

BIBLIOGRAPHY

117-129

LAMPIRAN

120-136

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1: Senarai Nama Informan	60
Jadual 4.2.1: Jenis Artifak dan Kaedah Pemuliharaan Artifak Organik	61
Jadual 4.2.2: Jenis Artifak dan Kaedah Pemuliharaan Artifak Bukan Organik	61
Jadual 4.2.1: Analisa Menurut Teori Pemuliharaan Koleksi dan Proses Pemuliharaan	62-67
Jadual 4.4.1: Jenis bahan dalam pemuliharaan artifak seramik	71-74
Jadual 4.4.2: Jenis bahan dalam pemuliharaan artifak manuskrip	83-87
Jadual 4.4.3: Jenis bahan dalam pemuliharaan artifak logam	93
Jadual 4.4.4: Jenis bahan dalam pemuliharaan artifak tekstil	97-98

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah 1.8: Peta Lokasi Kajian Muzium Negeri Terengganu	17
Gambar Rajah 2.3.1: Prinsip Pemuliharaan	37
Gambar Rajah 2.3.2: Garis Panduan Pemuliharaan	38
Gambar Rajah 2.3.4: Aliran Proses Pemuliharaan Artifak	42-43
Gambar Rajah 2.3.5.1: Perbandingan anjing Batu dan mikro-morfologi sebelum (kiri) dan selepas (kanan) pembersihan wap.	44
Gambar Rajah 2.3.5.2: Perbandingan Pakaian sutera sebelum dan selepas pemuliharaan	45
Gambar Rajah 4.3.1: Aliran Proses Pemuliharaan Di Muzium Negeri Terengganu	68
Gambar Rajah 4.4.1: Aliran Proses Pemuliharaan Artifak Seramik	80
Gambar Rajah 4.4.1.1: Contoh artifak seramik	81
Gambar Rajah 4.4.1.2: Contoh artifak seramik	81
Gambar Rajah 4.4.2: Aliran Proses Pemuliharaan Manuskrip	91
Gambar Rajah 4.4.2.1: Contoh Artifak Manuskrip	92
Gambar Rajah 4.4.2.2: Contoh artifak manuskrip	92

Gambar Rajah 4.4.3: Contoh artifak logam	96
Gambar Rajah 4.4.4.1: Contoh artifak tekstil	100
Gambar Rajah 4.4.4.2: contoh artifak tekstil	100

SENARAI SINGKATAN

Plaster Of Paris – POP

Paraloid B72 – SY7

Carboxy Methly Cellulose - CMC

Pusat Khidmat Maklumat Akademik – PKMA

International Council Of Museums - ICOM

polivinil asetat - PVA

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan Kajian

Bab ini merupakan bab yang menjelaskan tentang bahagian pengenalan dalam kajian yang dilakukan berkaitan objek dan subjek kajian. Bab ini membincangkan sejarah latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian yang timbul untuk dikaji. Dalam bab ini juga pengkaji akan mengenalpasti kepentingan kajian yang dilakukan kepada beberapa pihak yang berkaitan secara langsung dengan muzium. Selain itu, bab ini juga menjelaskan tentang skop kajian, lokasi kajian. Subjek yang dikaji ialah mengenai Pemuliharaan Artifak di Muzium Terengganu. Pemilihan tajuk yang dikemukakan ini timbul dari keinginan pengkaji untuk mengetahui bagaimana kaedah-kaedah yang digunakan dalam memulihara artifak. Walaupun terdapat buku, journal, artikal, dan laman web mengenai pemuliharaan artifak tetapi ianya tidak dibincangkan dengan jelas. Oleh itu pengkaji mengambil kesempatan ini untuk mengkaji dan mengetahui sendiri tentang Pemuliharaan Artifak di dalam Muzium Terengganu kerana artifak merupakan khazanah yang diwarisi sejak dahulu lagi.

1.1 Pengenalan Sejarah Permuziuman di Malaysia

Sejarah permuziuman di Malaysia bermula apabila pemerintah British menubuhkan Muzium Perak di Taiping pada tahun 1883. Selepas itu diikuti dengan penubuhan Muzium Sarawak di Kuching pada tahun 1888 dan kemudiannya penubuhan Muzium Selangor pada tahun 1899. Setelah itu, pada tahun 1910 pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor telah disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Manakala pada tahun 1930, pengurusan tersebut telah dipisahkan semula sebagai satu langkah di bawah system desentralisasi oleh pemerintah British. Selepas itu, sebahagian daripada bangunan Muzium Selangor telah roboh disebabkan pengeboman yang dilancarkan oleh Tentera Udara Pihak Perikatan pada 10 Mac 1945. Akibat daripada serangan tersebut ianya telah memusnahkan artifak yang ada di dalam muzium. Selepas kemerdekaan, pada tahun 1959 kerajaan telah melantik seorang arkitek yang bernama Encik Ho Kok Hoe untuk mereka bentuk Muzium Negara yang telah dibina di atas bekas tapak Muzium Selangor. Pada 31 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong ke-3 Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah merasmikan pembukaan bangunan tersebut sebagai Muzium Negara untuk menyimpan koleksi atau artifak kebudayaan Negara Malaysia (Malaysia, Laporan Jabatan Muzium Malaysia, 2011)

Oleh itu, muzium merupakan sebuah institusi kebudayaan kompleks yang unik kerana berperanan dalam mengumpul dan memelihara warisan budaya. Muzium memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat dan Negara. Antara peranan muzium terhadap masyarakat dan Negara ialah sebagai gedung khazanah sejarah dan budaya Negara, muzium sebagai penyebar maklumat dan mendidik masyarakat dalam memupuk semangat kesedaran terhadap sejarah dan budaya sendiri, dan muzium sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran. Melalui peranan tersebut, terdapat beberapa usaha yang telah dijalankan oleh pihak muzium di Malaysia bagi menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke muzium (Malaysia, Laporan Jabatan Muzium Malaysia, 2011).

Kebiasaannya muzium menjadi tumpuan para sarjana dan ahli-ahli akademik untuk bertukar-tukar fikiran dan mengkaji ilmu mengenai sejarah, falsafah, sastera, fizik, matematik dan sebagainya. Kini fungsi muzium semakin berkembang selaras dengan kehendak masyarakat yang semakin kompleks. Muzium juga banyak menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara terutamanya kepada sektor pelancongan. Oleh hal yang demikian, muzium haruslah mempunyai pengurusan yang sistematik dalam pemuliharaan koleksi dan artifak yang terdapat di dalam muzium untuk mengekalkan koleksi warisan dan menarik pengunjung untuk datang ke muzium (Malaysia, Laporan Jabatan Muzium Malaysia, 2011).

1.1.1 Sejarah Muzium

Menurut Cato dan Jones. (1991), *Natural History Museum* yang bertajuk *What A State Museum Of Natural* muzium mewakili usaha kumulatif untuk memelihara masa lalu. Warisan semulajadi, contohnya yang paling cantik dan kreatif daripada pengalaman manusia. Salah satu kumpulan yang paling menonjol di Negara adalah muzium sejarah semulajadi iaitu tempat terbesar, yang paling tua, dan yang paling popular. Misi dan peranan muzium ini diubah, mempunyai fungsi yang ketat dalam penyelidikan, pendidikan, perkhidmatan serta mempunyai gabungan peranan. Muzium ini berbeza-beza dari segi sumber pembiayaan dan sokongan. Setiap muzium mempunyai visi dan misi tersendiri dalam mencapai matlamat muzium tersebut (Cato & Jones, 1991).

1.1.2 Latar Belakang Muzium Negeri Terengganu

Muzium Negeri Terengganu telah ditubuhkan pada 1976 di bawah Enakmen Bil. 9 Tahun 1976 dan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 28 Disember 1976, Muzium Negeri Terengganu mula berkuatkuasa pada 1 November 1977. Dari segi sejarahnya dikatakan bahawa hasrat untuk menubuhkan Muzium Negeri Terengganu ini telah tercetus sejak awal tahun 1920-an hasil daripada peristiwa penemuan Batu Bersurat di Kampung Buloh, Hulu Terengganu oleh Syed Hussein Ghulam Al Bukhari pada tahun 1902. Melalui peristiwa penemuan Batu Bersurat tersebut, ia telah melahirkan rasa kesyukuran rakyat Negeri Terengganu pada ketika itu dan menjadikan Muzium Negeri Terengganu lebih dikenali kerana mempunyai sejarah masa lampau yang boleh dipersembahkan kepada masyarakat. Muzium Negeri Terengganu telah dirasmikan pada 20 April 1996 bersamaan 2 Zulhijjah 1416 oleh Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billa Shah, yang merupakan Sultan Terengganu (Portal, 2013)

Selain itu, Muzium ini meliputi kawasan seluas 27 hektar dan secara keseluruhannya kompleks ini mempunyai keluasan lantai berjumlah 75,075 meter persegi. Muzium ini bersebelahan dengan sungai Terengganu dan mempunyai empat blok bangunan yang menempatkan pelbagai jenis koleksi tinggalan lama masyarakat Terengganu. Muzium Negeri Terengganu terletak di Kampung Bukit Losong Paloh. Kompleks ini juga mempunyai Muzium Maritim, lima buah rumah tradisional serta kawasan yang dihiasi dengan landskap yang menarik. Di samping itu, Muzium Negeri Terengganu terbahagi